



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA JPV.NS.S. 22/2022**

**PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
LADANG UNGGAS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN  
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN (2022-2023)**


Pembekal tempatan yang **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DI BAWAH KOD BIDANG 210103 DAN 210104** adalah dipelawa menyertai sebut harga ini. Terbuka kepada syarikat berstatus Bumiputera dan bukan Bumiputera.

2. Borang sebut harga berserta syarat-syarat am/khas boleh diperolehi di kaunter khidmat pelanggan ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dengan harga RM 50.00 senaskhah mulai 1 JULAI 2022. Sila bawa bersama salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan berserta kod-kod bidang yang dikehendaki.

3. Permohonan hendaklah dimasukkan terus ke dalam peti tawaran di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504 Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban, Negeri Sembilan di dalam sampul surat berlakri bertanda sebut harga JPV.NS.S. 22/2022.

4. Tarikh tutup sebut harga ialah pada 13 JULAI 2022 jam 12.00 tengah hari.

Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

  
Pengarah  
Jabatan perkhidmatan veterinar  
Negeri sembilan darul khusus

28 Jun 2022

BIDANG	SUB BIDANG	PECAHAN SUB BIDANG
21	01	03
ICT ( <i>Information Communication Technology</i> )	Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen	<i>Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance</i>
21	01	04
ICT ( <i>Information Communication Technology</i> )	Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen	<i>Software, System Development/ Customization and Maintenance</i>